

INSENTIF UNTUK MENUNAIKAN HAJI DAN UMRAH

Insentif Menunaikan Haji dan Umrah adalah program ganjaran sebagai saguhati kepada anggota-anggota yang bakal menunaikan haji dan umrah di Koperasi Sejati Berhad.

Insentif yang ditetapkan:

Jenis Kategori	Insentif (RM)
Haji	600.00
Umrah	300.00

Kriteria-kriteria yang Melayakkan Anggota Untuk Memohon:

1. Telah menjadi anggota KSB lebih dari setahun.
2. Keanggotaan dan pembiayaan hendaklah aktif dan tidak mempunyai rekod akaun tidak berbayar (NPL).
3. Kelayakan untuk anggota hanya sekali sahaja dan penyerahan dokumen mesti diterima dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas menunaikan haji dan umrah.
4. Ganjaran hanya ditawarkan kepada anggota sahaja, tidak diperuntukkan kepada anggota keluarga masing –masing.
5. Telah berdaftar di bawah agensi-agensi pengurusan haji atau Lembaga Tabung Haji sebelum memohon.
6. Memiliki surat pengesahan daripada agensi yang terbabit.
7. Tidak berhutang dengan mana-mana agensi-agensi atau Lembaga Tabung Haji (bayaran untuk menunaikan haji dan umrah telah dijelaskan sebelum memohon).

** Kelulusan bagi setiap permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak pengurusan.*

***Berkuat kuasa dari 24hb Jun 2023*